

CLODERM CREAM

Clobetasol Propionate (0.05% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan CLODERM CREAM
2. Bagaimana CLODERM CREAM berfungsi
3. Sebelum menggunakan CLODERM CREAM
4. Cara menggunakan CLODERM CREAM
5. Semasa menggunakan CLODERM CREAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CLODERM CREAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang CLODERM CREAM. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda menggunakan CLODERM CREAM berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan CLODERM CREAM

CLODERM CREAM digunakan untuk rawatan jangka pendek bagi penyakit radang kulit dan gatal-gatal yang sederhana hingga teruk yang responsif terhadap kortikosteroid.

Bagaimana CLODERM CREAM berfungsi

CLODERM CREAM mengandungi 'Clobetasol Propionate'. 'Clobetasol Propionate' tergolong dalam kumpulan steroid yang mempunyai tindakan anti-radang, anti-gatal dan pengecutan salur darah.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum menggunakan CLODERM CREAM

-Bila tidak boleh menggunakan
Jangan mengambil CLODERM CREAM sekiranya:

- Anda alah (hipersensitif) kepada 'Clobetasol Propionate' atau mana-mana komponen bahan ubat ini.
- Kulit anda kemerahan dan berjerawat.
- Anda mempunyai radang kulit dan rasa gatal-gatal di sekitar kawasan mulut.
- Anda mempunyai jangkitan kulit disebabkan oleh virus (contoh: *Herpes simplex*, cacar air), kulat atau bakteria.
- Anda mempunyai gatal-gatal alat kelamin atau dubur.

Tidak disyorkan untuk bayi yang berumur 1 tahun ke bawah.

Jika anda tidak pasti, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan CLODERM CREAM.

-Sebelum mula menggunakan

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

- Jika anda mempunyai jangkitan pada kulit dan nyatakan kawasan yang dijangkiti.
- Jika anda menggunakan mana-mana produk kulit.

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tiada rekod menunjukkan ubat ini selamat digunakan semasa kehamilan dan laktasi (penyusuan).
- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan CLODERM CREAM

-Berapa banyak harus digunakan
Sapu CLODERM CREAM dengan sedikit ke kawasan yang terjejas sekali atau dua kali sehari seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Bila perlu digunakan

Sapukan pada kawasan yang terjejas apabila ia kering dan bersih.

-Berapa lama perlu digunakan

Rujuk kepada doktor dan ahli farmasi untuk tempoh rawatan.

Elakkan penggunaan terapi topikal untuk jangka masa yang panjang.

-Jika terlupa menggunakan

Sapukan krim ini secepat mungkin dan kemudian terus rawatan anda seperti biasa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dalam jumlah yang mencukupi, steroid boleh diserap ke dalam kulit anda dan menghasilkan kesan sistemik seperti manifestasi sindrom Cushing, peningkatan paras gula dalam darah dan kehadiran gula dalam air kencing.

Jika anda rasa anda terlebih dos, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda. Bawa sebarang baki ubat bersama anda.

Semasa menggunakan CLODERM CREAM

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan penggunaan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang menggunakan CLODERM CREAM.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan lebih daripada dos yang disarankan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

CLODERM CREAM

Clobetasol Propionate (0.05% w/w)

Jangan gunakan berhampiran atau sekitar mata.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan penggunaan jika berlaku kerengsaan atau alahan dan dapatkan nasihat doktor. Perhatian khas hendaklah diambil kepada bayi dan kanak-kanak kerana penyerapan sistemik boleh berlaku melalui penggunaan topikal yang boleh menyebabkan pertumbuhan terencat. Langkah berwaspada perlu diambil apabila merawat kawasan permukaan badan secara luas.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, CLODERM CREAM boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan, namun tidak semua yang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang dilaporkan ialah rasa pedih, gatal-gatal, kerengsaan, rasa kering, radang folikel rambut, pertumbuhan rambut yang tidak normal, pertumbuhan jerawat, warna kulit menjadi cerah, kulit menjadi lembut dan lemah, kulit menipis, kesan regangan kulit dan ruam panas.

Penggunaan kortikosteroid dalam dos yang banyak boleh menyebabkan gejala-gejala hiperaktif adrenal korteks, dengan muka bulat, kadangkala pertumbuhan rambut berlebihan di kawasan-kawasan tertentu pada muka dan badan wanita, benjolan lemak di antara bahu, kulit menjadi kemerah-merahan, dan kadang-kadang boleh menyebabkan sindrom Cushing sepenuhnya.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat

Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my [Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan CLODERM CREAM

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Pastikan bekas ditutup rapat. Simpan di tempat terlindung daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak. Untuk kegunaan luaran sahaja

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

CLODERM CREAM adalah krim berwarna putih.

CLODERM CREAM boleh didapati dalam tiub aluminium 5g, 15g dan 100g.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:

Setiap tiub mengandungi Clobetasol propionate 0.05% w/w.

-Bahan-bahan tidak aktif:

White Soft Paraffin, Cetostearyl Alcohol, Liquid Paraffin, Macrogol Cetostearyl Ether, Phosphoric Acid, Sodium Dihydrogen Phosphate, Chlorocresol, Propylene Glycol, dan Purified Water.

-Nombor MAL:

MAL19950354AZ

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

-09/08/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)080818/00233